

Pembangunan model Islamisasi pengurusan Islam

^{1,a}**Azman CheOmar**

¹Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Kampus Kota Bharu

^acheomaradr346@gmail.com

Kata kunci: Pengurusan Islam, Islamisasi Pengurusan, Organisasi Islam

Abstrak. Kewujudan kursus pengurusan Islam dalam institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia bukan merupakan agenda yang baharu dalam pengajian fakulti tertentu. Perkembangannya menyaksikan amalan kandungan silibus yang berbeza di antara satu IPT dengan IPT yang lain. Perbezaannya boleh dilihat melalui tiga mekanisme iaitu pengurusan Islam *per se*, Islamisasi pengurusan dan pengurusan dari perspektif Islam. Pengurusan Islam per se melihat pengurusan dari acuan Islam. Islamisasi pengurusan pula mengambil teori pengurusan moden bagi diadaptasi melalui Islamisasi ilmu. Manakala pengurusan dari perspektif Islam melihat pelbagai dimensi pengurusan organisasi dari perspektif Islam. Islamisasi pengurusan bermula dengan pengurusan yang bersandarkan ilmu wahyu (*the Revealed Knowledge*), seterusnya pengurusan diri pengurus sendiri dan diikuti oleh proses atau elemen pengurusan sejagat yang terdiri dari perancangan, pengelolaan, penstafan insan, motivasi, kepimpinan dan kawalan serta komunikasi yang menyelaras kesemua elemen tersebut. Objektif utama kertas kerja ini ialah untuk merangka satu model pengurusan melalui Islamisasi ilmu. Hasil dari kerangka ini ialah amalan pengurusan Islam yang boleh wujud dalam mana-mana organisasi yang bersifat kepatuhan syariah. Impak utama ialah model ini boleh dijadikan silibus bagi subjek pengurusan Islam atau garis panduan umum bagi subjek-subjek lain bagi program atau kursus pengurusan Islam di mana-mana IPT di Malaysia atau di persada global.

Pengenalan

Pengurusan Islam sebagai satu subjek atau kursus dalam sijil, diploma atau ijazah bukan merupakan suatu benda baharu dalam dunia akademik. Tahap pengajian (learning) bagi pengurusan Islam di Malaysia boleh dikatakan berada pada tahap matang (maturity stage). Permulaan kajian secara akademik bermula apabila Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditubuhkan dan beroperasi sejak tahun 1983 lagi. Islamisasi ilmu yang berlaku telah menyemarakkan lagi perkembangan menerusi fasa inkubasi dan pembangunan (growth). Pengurusan Islam sebagai satu elemen dalam ekonomi Islam seterusnya telah dimajukan melalui pengenalan pengurusan Islam sebagai satu subjek atau kursus di IPTA dan IPTS. Suatu isu yang menarik dalam perkembangan pembangunan silibus pengurusan Islam ialah adakah silibus tersebut merupakan acuan pengurusan Islam per se dari disiplin ilmu Islam atau suatu Islamisasi pengurusan yang diadaptasi dari teori pengurusan moden. Perbincangan lanjutan kesan dari perbezaan ini dapat dilihat dalam kajian literatur dibawah. Tujuan utama kertas kerja ini ialah untuk merangka satu model islamisasi pengurusan Islam. Untuk membezakan dengan pengurusan Islam *per se* bagi pengajaran dalam sesebuah university atau IPT, model ini boleh dijadikan satu silibus yang boleh dipermudahkan sebagai satu subjek pengurusan dari perspektif Islam.

Kajian literatur

Pengurusan moden dalam dunia hari ini sebagai pengurusan kontemporari mengandungi elemen yang meluas dan komprehensif. Meskipun cabang-cabang pengurusan terdiri dari pelbagai stail, dimensi dan rekabentuk, namun teras utama pengurusan masih kekal utuh melangkaui perubahan zaman. Pengurusan secara sifat semulajadinya berpusat pada pengurusan organisasi kerana tanpa sebuah organisasi pengurusan tidak mungkin boleh bernafas hidup. Hatta Rasulullah S.A.W., sebagai contoh semasa Baginda memerintah tanah Arab, Baginda telah membuat struktur organisasi bagi mentadbir kerajaan Islam pada ketika itu (Azman, 2003). Seterusnya pengurusan organisasi untuk terus berkembang maju dan mampan, perlu mengamalkan cabang-cabang pengurusan yang lain seperti pengurusan maklumat dan data, pengeluaran, pemasaran, kewangan dan penyelidikan dan pembangunan (Research and Development). Peter Drucker, seorang sifu pengurusan moden, misalannya telah mengatakan dua cabang pengurusan yang terpenting bagi sesebuah organisasi perniagaan ialah pemasaran dan inovasi. Pengurusan moden mempunyai elemen-elemen sejagat yang boleh digunapakai oleh mana-mana organisasi. Sejarah atau evolusi pengurusan moden merakamkan bagaimana Fayol telah membahagikan pengurusan kepada beberapa elemen dimana ianya dibuat mengikut ketertiban iaitu perancangan dan ramalan, koordinasi, pembuatan keputusan, pengelolaan, pengarahan dan kawalan. Seterusnya pemikir pengurusan lain seperti Koontz dan Stoner mempermudahkannya melalui elemen perancangan, pengelolaan, pengarahan dan kawalan. Hasil dari kombinasi pelbagai pemikiran ini telah mewujudkan teori pengurusan moden (Luthan dan Doh, 2012). Pengurusan moden bermula di Eropah dan menjalar ke Amerika Syarikat melalui syarikat-syarikat terkenal seperti Ford. Perkembangan pengurusan moden seterusnya menjadikan pengurusan Jepun sebagai model baharu kejayaan pengurusan

melalui dimensi pengurusan jaminan kualiti. Syarikat gergasi Jepun seperti National, Sony, dan Toyota menjadi jenama termasyur dan menguasai pasaran Amerika Syarikat.

Apa yang tertinggal dalam teori pengurusan moden ialah tiadanya perbincangan mengenai elemen falsafah dan nilai yang sepatutnya dipegang. Justeru itu, amalan pengurusan moden menggunapakai elemen bebas nilai. Melalui amalan pengurusan dalam syarikat-syarikat antarabangsa ini kita boleh mengandaikan mereka meletak falsafah dan nilai yang bebas dan boleh diubahsuai mengikut keadaan dan keperluan semasa. Dari evolusi pengurusan, kita boleh melihat pengurusan Jepun dan Amerika Syarikat mempunyai pendekatan yang berbeza. Meskipun begitu, kita boleh melihat mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu keuntungan yang mewah. Proses mencipta kemewahan ini bermula dengan perletakan objektif korporat yang mempunyai KPI tinggi. Seterusnya pelaksanaan strategi unggul yang berdaya saing dan maju. Kemudiannya perolehan keuntungan hebat melalui kenaikan jualan dan penjimatan kos. Kesan dari keuntungan ini ialah kelestarian kewangan dan penguasaan pasaran global (David dan David, 2015). Apa yang jelas, pengurusan moden telah meletakkan fahaman Machiavelli iaitu matlamat menghalalkan pelbagai cara, kaedah atau strategi yang digunakan. Pengurusan Islam bukanlah merupakan elemen atau komponen baharu dalam pengurusan hari ini. Kemunculan pengurusan Islam adalah ekor dari islamisasi ilmu yang menjadi amalan dalam mana-mana organisasi Islam pada hari ini. Justeru itu, pengurusan Islam akan menjadi suatu wadah atau strategi unik bagi menambahbaik ilmu pengurusan sejagat yang terdapat dalam dunia moden hari ini. Dalam ertikata lain, pengurusan Islam hari ini bersifat kontemporari dan strategik dengan mengikuti atau mengekuri perubahan yang berlaku. Namun masih mengekalkan intipati asas kepada pengurusan Islam itu sendiri (Azman, 2013). Tabung Haji sebagai sebuah organisasi Islam adalah ikon kepada organisasi Islam yang berjaya. Tabung Haji telah menjadi model global kepada organisasi Islam atau negara Islam atau negara Muslim yang menjadi kebanggaan kepada amalan pengurusan Islam kontemporari. Dalam tahun 2015 sahaja, Tabung Haji telah memiliki dana berjumlah RM60 bilion yang merupakan diantara dana korporat Islam terbesar dunia. Dengan dana yang banyak ini, Tabung Haji mampu memberikan subsidi yang tinggi kepada jemaah yang mengerjakan haji buat kali pertama. Misalannya bagi musim haji 2016, kos sebenar bayaran haji pada tahun 2016 adalah RM18,890, namun Tabung Haji tetap memberikan subsidi bagi bakal haji yang menunaikan haji buat kali pertama dan pergi secara *muassasah* sebanyak RM8,910 seorang.

Kelestarian Tabung Haji dalam pengurusan haji menunjukkan pengukuhan Tabung Haji dalam perniagaan. Namun, fokus Tabung Haji amat berbeza dengan pelbagai organisasi Islam yang lain. Syarikat atau firma perniagaan yang beroperasi berdasarkan prinsip Islam terpaksa atau dipaksa berjuang dan bersaing untuk terus hidup. Persekitaran sentiasa berubah dimana situasi dunia hari ini tidak sama dengan dunia lepas. Sekiranya pada masa lepas, pengurus Muslim tidak sangat terdedah dengan ancaman persekitaran yang boleh menggugat akidah mereka, tetapi pada masa kini melalui persekitaran terbuka, terutamanya dengan kehadiran komunikasi *internet* yang tidak mempunyai tapisan akan menyebabkan ramai pengurus Muslim tercabar keimanan mereka dengan melayari pelbagai laman yang kurang sihat dan mengikuti pelbagai amalan pengurusan yang sudah tidak mengenal status halal haram berkenaan dengan sesuatu keputusan yang dibuat. Peluang dan ancaman dari globalisasi telah menyebabkan aktiviti-aktiviti perniagaan semakin bercelaru mengenai status halal haram sesuatu urusan yang dibuat. Cabaran utama mana-mana organisasi perniagaan hari ini yang melabelkan organisasi mereka sebagai organisasi Islam ialah bukan setakat untuk berdepan dengan perubahan yang sentiasa bergolak deras dan tidak menentu dalam persaingan pasaran tetapi yang paling penting ialah untuk tidak terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dengan aktiviti atau urusan yang *riba*. Selain urusan yang *riba*, pengurus-pengurus Muslim akan terdedah kepada kesukaran untuk membuat keputusan berkaitan dengan urusan yang *syubhah* ataupun samar (Azman, 2014a dan 2014b).

Elemen-elemen asas pengurusan Islam

Apabila kita melihat pengurusan dari perspektif Islam, hal ini tidak semestinya menggambarkan bahawa seorang pengurus Islam menolak bulat-bulat kebaikan yang dibawa oleh pengurusan dalam organisasi hari ini. Ramai individu Islam hari ini keliru dengan mengislamkan pengurusan dengan cara meletakkan pengurusan di dalam acuan Islam yang serba baru dan tidak berkait langsung dengan pengurusan konvensional. Pengurus Islam seharusnya sedar dan tahu bahawa mereka boleh mengamalkan prinsip dan teknik pengurusan hari ini selagi prinsip ataupun teknik tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam hal ini bermakna pengurusan Islam tidak menolak bulat-bulat mana-mana prinsip dan teknik pengurusan yang tidak bertentangan dengan Islam. Takrifan pengurusan dari perspektif Islam telah diberikan oleh penulis dalam buku Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam. Penulis telah membuat beberapa pengubahsuaian yang ketara, dimana pengurusan Islam ditakrifkan sebagai satu proses melakukan kerja dan menyempurnakan kerja dalam mengurus diri sendiri dan warga organisasi dengan fungsi-fungsi pengurusan secara *fitrah* melalui dan bersama orang lain secara *shura* dalam usaha untuk mencapai objektif-objektif kerja dan diri sendiri secara efektif dan berhikmah dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan efisien serta adil dan saksama dalam persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah bagi membantu organisasi mencapai hala tuju dan objektif demi menggapai *al-falah* di dunia dan di akhirat.

Kerangka model pengurusan Islam

Implikasi dari takrifan dan perbincangan di atas, satu kerangka model pengurusan Islam boleh dibuat melalui elemen-elemen berikut.

- 1. Keperluan organisasi kepada pengurusan Islam
- 2. Paradigma Tauhid sebagai dasar pengurusan Islam
- 3. Prinsip-prinsip operasi pengurusan Islam
- 4. Peranan dan kelakuan pengurus Muslim
- 5. Fungsi perancangan dalam pengurusan Islam
- 6. Fungsi pengelolaan dalam pengurusan Islam
- 7. Fungsi motivasi dalam pengurusan Islam
- 8. Fungsi kepimpinan dalam pengurusan Islam
- 9. Fungsi pengawasan dan kawalan dalam pengurusan Islam
- 10. Fungsi komunikasi dalam pengurusan Islam
- 11. Cabaran dan Isu kontemporari pengurusan Islam

Kesimpulan

Kejayaan sesebuah organisasi bukan setakat terletak kepada keuntungan konsisten yang diperolehi setiap tahun, tapi bagi organisasi Islam kejayaan boleh melangkau jauh ke alam akhirat. Ini boleh berlaku apabila sesebuah organisasi Islam mengurus operasi dengan mengikut prinsip-prinsip Syariah berlandaskan paradigm Tauhid. Walau bagaimanapun, praktis sesebuah organisasi tersebut boleh berubah mengikut peredaran masa dan perubahan dalam persekitaran luaran dan global. Bagi pengurus Muslim, sebanyak mana dan selaju mana perubahan yang berlaku seharusnya boleh ditangani dengan baik melalui berkat dan harapan mengurus organisasi mengikut pengurusan Islam.

Penghargaan

Bagi menghasilkan dua buku ini penulis telah menggunakan puluhan buku dan artikel yang berkaitan dengan pengurusan moden dan pengurusan Islam.

Rujukan

Azman, CheOmar. (2014a). A construct model for Muslim managers in managing the organization from the Islamic paradigm, *Proceeding of International Conference of Social Science 2014* (ISSC 2014), UiTM Perlis dan Jabatan Penjara Malaysia, September 2014.

Azman, CheOmar. (2014b). A Study of the Model for the Right Management of the Islamic Organizations, *Proceeding of Halal Global Conference*, UiTM Kelantan, April 2014.

Azman, CheOmar. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*, DBP, Kuala Lumpur.

Azman, CheOmar. (2013). *Pengenalan Pengurusan Islam*, DBP, Kuala Lumpur.

David, F. R. & David, F. R. (2015). *Strategic Management: Concepts and Cases*, Pearson Education, Boston.

Luthans, F. & Doh, J. P. (2012). *International Management: Culture, Strategy, and Behavior*, McGraw-Hill, New York.